



# LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

JALAN MAWAR MERAH 2, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2  
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM



Rujukan : LPJ/IP/OPS/24JLD3(35)

## NOTIS PELABUHAN BIL 08/2019

### LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

TARIKH : 12 DISEMBER 2019

KEPADА : SYARIKAT / PENGENDALI / OPERATOR PENGENDALI SISA BUANGAN YANG BEROPERASI DI DALAM PELABUHAN DAN DI DALAM HAD PERAIRAN PELABUHAN PASIR GUDANG DAN TANJUNG PELEPAS.

PERKARA : 1. PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN PENGHANTARAN LAPORAN PENGENDALIAN SISA BUANGAN.

2. PENGUATKUASAAN DAN PENDAFTARAN LORI MENGANGKUT SISA BUANGAN DI DALAM PORT TRAFFIC MANAGEMENT SYSTEM (PTMS) LPJ.

- 
1. Adalah dimaklumkan semua syarikat / pengendali / operator sisa buangan yang berlesen dengan LPJ di bawah kategori Lesen Pembuangan Dan Penerimaan Sisa Kapal (Disposal Waste) dan Lesen Sisa Buangan Sampah Domestik (Domestic Waste) adalah diwajibkan untuk mematuhi perkara berikut:
    - i. Mengemukakan pengisytiharan pengendalian sisa buangan daripada kapal dan premis di dalam pelabuhan bagi tempoh tahun 2017-2019.
    - ii. Melaksanakan pengisytiharan pengendalian sisa buangan daripada kapal dan premis di dalam pelabuhan kepada LPJ setiap bulan. Pengisytiharan perlu dilaksanakan sebelum atau pada 10hb bulan berikutnya.

---

IBU PEJABAT (PASIR GUDANG)	:	07-253 4000 (TEL.) 07-251 7684 (FAKS)
PEJABAT PERHUBUNGAN LPJ (TG. PELEPAS)	:	07-507 1978 (TEL.) 07-507 1976 (FAKS)
TERMINAL FERI CHANGI, SINGAPURA	:	02-6545 3230 (TEL.) 02-6545 3231 (FAKS)
LAMAN WEB	:	<a href="http://www.lpj.gov.my">http://www.lpj.gov.my</a> e-mail: admin@lpj.gov.my

- iii. Pengisytiharan pengendalian sisa buangan sebagaimana di dalam perenggan i dan ii di atas perlu dilaksanakan menggunakan format laporan seperti di **Lampiran 1**.
  - iv. Melengkapkan borang ‘Survey on Reception Facilities Database & Implementation of MARPOL 73/78’ seperti di **Lampiran 2**. Ia adalah berdasarkan keperluan daripada Jabatan Laut Malaysia untuk tujuan mengemas kini data di dalam IMO-G/S/S.
  - v. Mengemukakan satu salinan **Standard Operating Procedure (SOP)** pengurusan sisa buangan kepada pihak LPJ.
  - vi. Melaksanakan pendaftaran kenderaan yang mengangkut sisa buangan dengan melengkapkan borang pendaftaran seperti di **Lampiran 3**.
  - vii. Semua kenderaan yang mengangkut sisa buangan perlu dilengkapi dengan *Global Positioning System (GPS)* sebagaimana peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Pengangkutan Awam dan Darat (APAD).
  - viii. Data GPS tersebut perlu dihubungkan dan diintegrasikan dengan *Port Traffic Management System (PTMS)* milik LPJ. Panduan integrasi GPS adalah seperti di **Lampiran 4**.
2. Pematuhan berkaitan perkara ini berkuatkuasa bermula pada 1 Januari 2020.
3. Salinan **Lampiran 1** hingga **Lampiran 4** boleh dimuat turun daripada pautan laman web berikut :

<https://www.lpj.gov.my/>

4. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan notis ini boleh hubungi pegawai seperti di bawah:

i. **En. Mohd Zahari bin Mohd Rusjuna**

No. Telefon : 07-2534052 / 019-7905879

Email : [zahari@lpj.gov.my](mailto:zahari@lpj.gov.my)

(Rujukan untuk perenggan i, ii, iii, iv & v)

ii. **En. Ezat Iskandar bin Monzani**

No. Telefon : 07-2534058 / 019-7908863

Email : [iskandar@lpj.gov.my](mailto:iskandar@lpj.gov.my)

(Rujukan untuk perenggan vi, vii & viii)

Sekian, terima kasih.

**“PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MUHAMMAD RAZIF BIN AHMAD)**  
Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Johor  
[✉ razifahmad@lpj.gov.my](mailto:razifahmad@lpj.gov.my)

No Kotak: No Dokumen: 183457